



PEMIKIRAN FUTURISTIK DALAM SIRAH NABAWIYYAH: APLIKASI DALAM KEPIMPINAN ISLAM

Oleh

Mohd Nuri al-Amin Endut*

Asyiqin binti Abdul Halim⁺

ABSTRAK

Sirah Nabawiyyah memainkan peranan penting di dalam memberi panduan dan pengajaran terhadap aspek kehidupan, merangkumi pemikiran, penghayatan dan pengamalan ajaran Islam. Ini termasuk pemikiran futuristik yang dapat dikesan dari kebolehan Rasulullah s.a.w. dalam membaca perubahan suasana yang bakal dihadapi oleh Baginda dan para sahabat. Strategi-strategi Baginda dalam perjanjian Hudaybiyyah, Bai'ah 'Aqabah dan peristiwa Hijrah menggambarkan pemikiran kehadapan Baginda yang menghasilkan kejayaan dakwah Islam. Pemikiran sebegini seharusnya diterapkan dalam kepimpinan Islam pada hari ini yang lebih bersikap reactive dari proactive. Jesteru kertas ini akan mengupas elemen pemikiran futuristik terhadap beberapa peristiwa di dalam sirah Rasul dan mengulas pengaplikasiannya dalam corak kepimpinan Islam kini.

ABSTRACT

The biography of the Prophet Muhammad p.b.u.h. (Sirah Nabawiyyah) plays a significant role in providing guidance and lesson on how to lead a community and to face challenges in various aspects of life particularly in the features of thinking. This includes futuristic thinking

* Mohd Nuri Al-Amin Endut, M.A. merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengurusan dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi PETRONAS.

⁺ Asyiqin binti Abdul Halim, M.A. merupakan SLAI Fellow di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya



which could be observed through his ability to foresee the upcoming situations of the Islamic da`wah and his capability to strategize long-term planning in realizing the spread and acceptance of Islam. His strategic actions of Hudaybiyyah agreement, Bay`ah `Aqabah and the event of Hijrah have definitely shown his futuristic thinking which were recognised as the significant milestones of the successful Islamic da`wah. As such, it is important that this futuristic thinking of Rasūlullāh should be embedded into today's Muslim leadership to be more dynamic and proactive. Thus the paper will discuss the futuristic thinking of Rasūlullāh s.a.w. based on some of the important events from his Sirah. It will also elaborate on the application of the thinking into the current Muslim leadership.

Keywords: Prophet Muhammad, sirah, leadership, da`wah

PENDAHULUAN

Minat untuk berfikir tentang situasi yang bakal ditempuhi pada masa depan bukanlah sesuatu yang baru dalam sejarah ketamadunan manusia. Hakikatnya manusia sentiasa melihat dan mengkaji perkara yang telah dan sedang berlaku sebagai landasan untuk mereka membuat jangkaan terhadap perkara-perkara yang akan terjadi. Ramalan tentang kejadian masa depan, sama ada berbentuk *formal fiction* yang digambarkan Plato dalam karyanya *Republic*¹ atau dalam bentuk riwayat-riwayat keagamaan yang tercatat dalam kitab-kitab suci,² merupakan aspek yang sangat penting bagi memperjelaskan erti dan halatuju kehidupan manusia. Di dalam buku ‘*Shaping the Next One Hundred Years*’, Robert J. Lempert menegaskan:³

For many centuries, seers and prophets have provided descriptions of the future to help human beings understand their places in the universe and to suggest codes of behaviour and courses of action consistent with that knowledge.

¹ Plato dalam karyanya itu telah membuat gambaran teori sebuah bandar ideal yang didasari oleh falsafah asas kehidupan manusia yang diimpikan serta mengamalkan sistem keadilan yang sempurna. Plato (1930), *The Republic*, vol. 1, Shorey, Paul (tr), London: William Heinemann Ltd, h. xiii-xvi.

² Meliputi gambaran-gambaran balasan kenikmatan dan azab sesudah mati, dan suasana kemelut kehidupan di akhir zaman menuju kiamat yang dijelaskan di dalam kitab-kitab suci seperti al-Qur'an, Bible dan lain-lain.

³ Lempert, Robert J. (2003), *Shaping the Next One Hundred Years*. Pittsburgh: Rand, h. 12.



Pemikiran Futuristik Dalam Sirah Nabawiyyah: Aplikasi Dalam Kepimpinan Islam

Secara umumnya kemuncak kisah-kisah futuristik ini dijadikan sebagai landasan kepada visi dan matlamat kehidupan yang mereka impikan. Pada waktu yang sama ia juga bertindak sebagai neraca yang mampu melakukan refleksi terhadap kedudukan dan pencapaian semasa berbanding dengan keagungan dan kegemilangan masa depan yang ingin mereka capai.

Islam sebagai agama yang syumul tidak ketinggalan membicara persoalan pemikiran kehadapan ini. Di dalam al-Qur'an ada menyebut secara jelas supaya orang beriman itu memandang kehadapan dalam firmanNya:⁴

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تَنْظُرُونَ فَنَسْ مَا قَدَّمْتُ لَكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ.

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah; dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan untuk hari esok. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan.

Kalimah غد atau hari esok yang disebut dalam ayat di atas membawa erti hari Akhirat di mana manusia akan kembali pada Allah dan segala amalan mereka akan dibentangkan di hadapanNya. Ayat tersebut, menurut pandangan Ibn Kathir,⁵ memberi penekanan terhadap konsep muhasabah diri yang mengajak manusia menilai persediaan amalan soleh yang dilakukan sebelum bertemu dengan Allah pada hari Pengadilan. Selain dari itu, ianya secara langsung meletakkan Akhirat sebagai wawasan dan tujuan perjalanan hidup seorang Islam dan apa yang mereka kerjakan di dunia ini adalah bermatlamat untuk mencapai keredhaan Allah pada hari Akhirat kelak. Namun begitu wawasan keakhiratan ini tidak bermakna seorang Muslim itu harus melupakan kehidupan dan habuan mereka di dunia. Dunia ini sebagaimana digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai jambatan perjalanan untuk menuju ke akhirat.⁶ Dalam hal yang sama Allah telah berfirman di dalam al-Qur'an:

⁴ Surah al-Hashr 59:18.

⁵ Ibn Kathir (1988), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, j. 1, Husayn Ibrāhīm Zahran (ed.). Beirut: Dār al-Fikr, h. 533.

⁶ Antaranya ialah sabda Rasulullah s.a.w: كن في الدنيا كأنك غريب أو عابر سبيل yang bermaksud "hiduplah engkau di dunia seolah-olah engkau seorang perantau atau musafir lalu". Hadith riwayat al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī* dalam *Kitāb al-Riqāq* no. 6416.



وابتغ فيما عاتاك الله الدار الآخرة ولا تنس نصيبك من الدنيا...⁷

Dan carilah apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri Akhirat, dan janganlah kamu lupakan bahagianmu di dunia.⁷ (al Qasas: 77)

Konsep yang sama telah diketengahkan oleh Muhammad Abd. Rauf⁸ dalam saranannya supaya umat Islam meletakkan dua matlamat utama sebagai asas kepada semua gerak kerja mereka; Matlamat jangkamasa panjang yang dominan merujuk pada hari Akhirat dan matlamat jangka masa pendek yang bersifat keduniaan. Namun begitu, segala hasil usaha dan perancangan bagi memenuhi matlamat jangka masa pendek itu hendaklah dihubung kaitkan dengan matlamat jangka masa panjang yang lebih penting dan signifikan.

Oleh itu, wawasan akhirat itu mesti diselaraskan dengan misi kehidupan seorang Islam di muka bumi Allah ini. Seorang muslim yang bervisi harus meletakkan sasaran kehidupan ideal Islam yang kondusif bagi mencapai wawasan kehidupan yang kekal abadi. Dengan kata lain, sebelum kita meletakkan pandangan kehadapan kita ke dunia akhirat sebagai matlamat utama kita, umat Islam perlu kepada pemikiran futuristik terhadap kehidupan dan masa depan mereka di dunia ini sebagai landasan bagi mencapai matlamat tersebut.

PEMIKIRAN FUTURISTIK DALAM KEPIMPINAN

Pemikiran futuristik dan kepimpinan adalah dua perkara yang sukar untuk dipisahkan. Kebanyakan definisi kepimpinan itu sendiri akan melibatkan elemen-elemen matlamat dan halatuju masa depan yang hendak dibawa oleh pemimpin. Warren Bennis contohnya, sebagai seorang yang dianggap ‘guru’ dalam disiplin kepimpinan barat, telah mendefinisikan kepimpinan sebagai “*the energetic process of getting other people fully and willingly committed to a course of action, to meet a commonly agreed objectives*”. Beliau seterusnya menyatakan bahawa kepimpinan itu berkenaan dengan perkongsian satu visi yang unik, pilihan bentuk strategi dan bagaimana untuk membentuk satu organisasi yang mampu menjalankan tugasannya.⁹

Howard Gardner, seorang psikologis Amerika, menegaskan bahawa kepimpinan tidak akan berjaya dengan hanya bergantung sepenuhnya

⁷ Surah al-Qasas 28: 77

⁸ Lihat Muhammad Abd. Rauf (1991), *Ummah: The Muslim Nation*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 121 dan 129.

⁹ Parker, Jeanette Plauche (2004), *Developing Creative Leadership*. Portsmouth: Teacher Ideas Press, hal. 3.



kepada kekuatan *status quo*. Untuk menempah kejayaan, pemimpin patut berani melepaskan diri dari kongkongan masa yang sedang dilalui dan melihat pada masa hadapan.¹⁰ Catatan ini menyokong kenyataan *futurist* barat terkenal, Alvin Toffler, yang menekankan pembangunan kepimpinan yang mempunyai ‘gambaran peranan masa depan yang fokus’ (*future-focused role image*).¹¹ Oleh itu, adalah sangat penting bagi pemimpin yang berpotensi untuk memiliki pandangan masa depan yang positif. Melalui gambaran peranan masa depan positif yang jelas, kepimpinan berkarisma berkemampuan membina karakter dan budaya sosial mampan yang mampu memacu visi yang disepakati.

Di dalam disiplin pengajian kepimpinan barat yang lebih khusus, corak kepimpinan yang digabungkan dengan matlamat gambaran masa depan yang jelas ini lebih dikenali dengan ‘kepimpinan bervisi’ (*Visionary leadership*). Colton¹² menggambarkan kepimpinan bervisi ini sebagai kepimpinan yang “*established goals and objectives for individual and group action, which define not what we are but rather what we seek to be or to do*”. Nanus¹³ pula menjelaskan di dalam bukunya, *Visionary Leadership*, bagaimana visi merupakan kunci kepada kepimpinan menggunakan proses logika yang berperingkat untuk membentuk dan memperkasakan satu arah halatuju baru di dalam sesebuah organisasi. Kenyataan ini disokong oleh Starratt¹⁴ yang menyebut: “*Vision is a dynamic source of leadership that imbues other aspects of leadership with a special energy and significance*”.

Walau apa juu terma yang dipakai, para sarjana kepimpinan bersepakat tentang kepentingan pandangan dan pemikiran futuristik dalam aspek kepimpinan. Pemimpin yang cemerlang mesti memiliki pemikiran dan pandangan minda yang jelas terhadap agenda masa depan yang diperjuangkan. Dia harus bersikap dinamik dalam memacu agenda perjuangan kepimpinannya dan mempengaruhi pemikiran pengikutnya kearah mencapai matlamat yang sama. Namun Islam melihat pergabungan visi antara pemimpin dengan pengikut tidak berlaku dalam bentuk logikal semata bahkan melibatkan pergabungan emosi dan spiritual yang menjadi asas kekuatan dan kesepaduan organisasi. Kepimpinan futuristik ini akan

¹⁰ Gardner, Horward (1995), *Leading Minds*, New York: Basic Books, h. 162, 302-303.

¹¹ Toffler, Alvin (1970), *Future Shock*. London, Sydney and Toronto: The Boadley Head, h. 7.

¹² Colton, D. L. (1985), “Vision”, *National Forum*, 65(2), h. 33.

¹³ Lihat Nanus, Burt. (1992), *Visionary Leadership*. San Francisco: Jossey-Bass, h. 16-17.

¹⁴ Starratt, R. (1995), *Leaders with vision: The quest for school renewal*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press, h. 13.



bertindak sebagai jambatan kukuh yang menghubungkan keadaan semasa dengan wawasan impian masa depan.

Kepimpinan berfikiran futuristik akan membuat bacaan dan telahan tepat terhadap situasi yang bakal ditempuhi dan akan memacu organisasinya merealisasikan agenda mereka dalam situasi tersebut. Mereka bersifat sangat kritis terhadap situasi mendatang dan sentiasa berusaha secara proaktif untuk mencipta peluang bergerak kehadapan. Pimpinan seperti ini tidak akan sekali-kali bersikap reaktif yang hanya akan melihat dan menunggu ruang-ruang peluang datang bergolek dan responsif kepada isu-isu yang dijuarai oleh orang lain.

Bagi mereka yang mengkaji sirah perjalanan Rasulullah s.a.w., ciri-ciri kepimpinan futuristik di atas bukanlah sesuatu yang asing dalam kepimpinan Baginda. Keunggulan Rasulullah s.a.w. di dalam membawa visi agenda Islam ke seluruh dunia menjadikannya sebagai seorang pemimpin yang tiada tandingan. Banyak peristiwa yang berlaku di dalam perjalanan kehidupan Rasulullah s.a.w. menunjukkan elemen pemikiran futuristik Baginda bermatlamat untuk memartabatkan Islam di atas mukabumi.

Ciri-ciri dan karakter kepimpinan Rasulullah s.a.w. yang amat berkualiti, mengikut Ismail Noor¹⁵ bukan hanya dapat dilihat pada keperibadiannya tapi meliputi urusan pentadbiran organisasi yang mantap. Ini jelas dapat dilihat dari kehebatannya mencabar *status quo* dan menghasilkan darinya satu transformasi penuh makna dari sebuah kumpulan yang ditindas kepada sebuah negara yang hebat. Kejayaan dan kehebatan transformasi Rasulullah s.a.w. ini harus dikaji dengan lebih teliti terutama bagaimana Baginda berfikiran kehadapan dalam membuat perancangan dan pilihan strategi.

PANDANGAN FUTURISTIK RASULULLAH S.A.W. DALAM MEMACU SIRAH

Kajian terhadap pemikiran Rasulullah s.a.w. tidak bermaksud penafian terhadap kesan dan panduan wahyu keatas perbuatan RasulNya dalam membuat pilihan strategi. Akan tetapi ianya lebih bersifat untuk menzhahirkan ciri *fatānah* yang ada pada Rasulullah s.a.w. dan untuk manusia mengambil pengajaran dari peristiwa-peristiwa yang dialami oleh Baginda. Allah secara jelas telah menganjur manusia supaya mengkaji dan memikirkan tentang

¹⁵ Lihat Ismail Noor (1999), *Prophet Muhammad's Leadership: The Paragon of Excellent Altruistic Management*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd, h. 21-22.



Pemikiran Futuristik Dalam Sirah Nabawiyyah: Aplikasi Dalam Kepimpinan Islam
kisah dan peristiwa yang dilalui oleh rasul-rasulNya untuk dijadikan iktibar
dan pengajaran. Firman Allah:¹⁶

لقد كان في قصصهم عبرة لأولي الألباب.

Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka (rasul-rasul) itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang berakal...

Sirah Nabawiyyah seperti mana kisah rasul-rasul lain tidak bersifat kronologi peristiwa semata-mata. Ia merupakan perjalanan hidup Rasulullah s.a.w. untuk diteladani oleh umat Islam dalam semua aspek. Telahan dan pandangan jauh Rasulullah s.a.w. di dalam membuat sesuatu tindakan dan keputusan penting patut dikaji dan dilihat dari pandangan Islam yang kritikal dan konseptual, bukan hanya bersifat deskriptif dan analogikal. Dalam konteks ini, perbincangan terhadap pemikiran futuristik Rasulullah s.a.w. dilihat amat signifikan sebagai elemen penting sesebuah kepimpinan Muslim ke arah merealisasikan satu visi keagungan Islam.

Terdapat banyak kisah perjalanan hidup Rasulullah s.a.w. yang menunjukkan bentuk pemikiran futuristik Baginda dalam mencorakkan perjalanan dakwah di bumi Hijaz. Namun antara dua peristiwa penting yang jelas memperlihatkan pemikiran kehadapan Rasulullah s.a.w. dalam membentuk lanskap baru medan dakwah Islam ialah apa yang berlaku dalam Perjanjian `Aqabah dan Hudaybiyyah.

STRATEGI PERJANJIAN HUDAYBIYYAH OLEH RASULULLAH S.A.W.

Peristiwa perjanjian Hudaybiyyah merupakan salah satu peristiwa yang menggambarkan pemikiran kehadapan Rasulullah s.a.w. yang berpandukan wahyu. Rata-rata mengetahui perjanjian Hudaybiyyah yang dimeterai di antara Quraysh Mekah dan pihak Muslim di Madinah pada 6 Hijrah bersamaan 628 Masih merupakan rentetan daripada peristiwa pihak Muslim dihalang dari memasuki Mekah untuk menunaikan umrah pada tahun tersebut. Ini berikutan daripada mimpi Baginda di mana Baginda telah bermimpi memasuki Baitullah dalam keadaan aman dan bercukur kepala dan memotong rambut.

Sebelum Rasulullah s.a.w. dan para rombongan memasuki Kota Mekah, mereka telah berkhemah di suatu tempat bernama Hudaybiyyah. Empat orang utusan dari pihak Quraysh Mekah dihantar kepada Baginda untuk mengetahui tujuan Baginda dan para sahabat datang ke Mekah.

¹⁶ Surah Yūsuf 12: 111



Rasulullah s.a.w. menegaskan hasratnya ialah untuk menunaikan ibadah umrah. Namun, kenyataan tersebut tidak diterima dan pihak Quraysh Mekah tetap enggan membenarkan Rasulullah s.a.w. dan rombongan memasuki Mekah. Melihatkan keadaan tersebut, Rasulullah s.a.w. bercadang untuk menghantar utusan dari pihak Muslim kepada pihak Quraysh Mekah bagi menyatakan hasrat kehadiran mereka di Mekah. Pada peringkat awal, 'Umar dipilih oleh Baginda sebagai utusannya tetapi beliau menolak dan menyatakan 'Uthmān bin 'Affān lebih layak dan sesuai untuk menjadi utusan kepada kaum Quraysh Mekah. Uthman telah dihantar mewakili pihak Muslim bagi menyatakan hasrat mereka hadir di ke Mekah. Namun, disebabkan kelewatan 'Uthmān kembali kepada rombongan pihak Muslim, Rasulullah s.a.w. dan para sahabat telah nekad berbay'ah yang dikenali sebagai '*Bay'ah al-Ridwān*' bagi menuntut bela atas 'kematian' 'Uthmān berdasarkan khabar yang mereka terima. Melihatkan keadaan tersebut, pihak Quraysh telah menghantar utusannya, iaitu Suhayl mewakili pihak Quraysh untuk berbincang dengan Rasulullah s.a.w. dan membuat tawaran agar berlakunya perdamaian di antara pihak Muslim dan pihak Quraysh Mekah.

Di sinilah perjanjian damai yang dikenali sebagai perjanjian Hudaybiyyah dimeterai antara pihak Muslim dan Quraysh Mekah. Meskipun isi penjanjian yang ditandatangani oleh kedua belah pihak pada zahirnya seolah bersifat berat sebelah, disertai syarat-syarat yang remeh-temeh yang dikemukakan oleh pihak Quraysh Mekah, Rasulullah s.a.w. telah menerima isi perjanjian tersebut. Perjanjian ini menyatakan berlakunya gencatan senjata antara pihak Muslim dan Quraysh Mekah selama 10 tahun, membenarkan mana-mana puak yang berminat untuk turut serta menandatangani perjanjian ini dan menghendaki mana-mana individu Muslim yang lari kepada Rasulullah di Madinah tanpa kebenaran penjaganya mesti dikembalikan kepada penjaganya di Mekah, sebaliknya mana-mana individu yang lari dari Rasulullah kepada pihak Quraysh Mekah tidak semestinya perlu dikembalikan ke Mekah. Pihak muslim juga perlu kembali ke Madinah tahun itu dan hanya dibenarkan memasuki Mekah pada tahun berikutnya untuk menunaikan ibadah umrah.

Isi-isi perjanjian ini telah meletakkan para sahabat di situasi yang agak tertekan dan terasa dicabar. Ramai para sahabat tidak dapat menerima tidakan Rasulullah s.a.w. yang bersetuju dengan kandungan perjanjian tersebut. Namun, ternyata tidakan Baginda yang redha dengan isi perjanjian ini menggambarkan pemikiran Baginda yang tajam dan jauh kehadapan dengan berpandukan wahyu. Selepas perjanjian dimeterai, Rasulullah s.a.w. telah melakukan *tahallul* dan diikuti oleh para sahabat yang lain. Dalam perjalanan pulang, wahyu telah turun kepada Baginda,



Pemikiran Futuristik Dalam Sirah Nabawiyyah: Aplikasi Dalam Kepimpinan Islam menyatakan perjanjian Hudaybiyyah ini adalah tanda-tanda kepada kemenangan besar umat Islam, iaitu ayat 1 hingga 3, Surah al-Fath.

Ternyata pandangan futuristik dan tindakan strategik Rasulullah ini telah membuka laluan dan perubahan lanskap dakwah Islam tanah Arab. Pada tahun berikutnya iaitu pada 1 Muharram 7H./629M., setahun selepas perjanjian Hudaybiyyah ditandatangani, Rasulullah s.a.w. dan para Muslim telah mara ke Khaibar untuk menguasai penempatan Yahudi di sana. Tindakan ini diambil bagi membebaskan Madinah dari ancaman musuh yang berkemungkinan diserang oleh pakatan pihak Yahudi di Khaibar dan pihak Qurasyh Mekah. Rasulullah s.a.w. juga telah mengambil peluang sepanjang tempoh gencatan senjata tersebut untuk menyebarkan ajaran Islam. Ini kerana pada hakikatnya pihak Muslim ingin berada dalam keadaan aman tanpa sebarang pertelingkahan dan perperangan.

Kemenangan paling besar diraih oleh Baginda dan umat Islam hasil daripada perjanjian Hudaybiyyah ditandatangani apabila Mekah berjaya di'buka' dan berada di bawah penguasaan pihak Muslim pada hari Jumaat, 21 Ramadhan 8H.. Beberapa insiden telah berlaku¹⁷ yang menyebabkan isi perjanjian Hudaybiyyah terbatal dan membuka peluang bagi pihak Muslim untuk menguasai Kota Mekah. Ternyata perjanjian Hudaybiyyah yang ditandatangani oleh Rasulullah s.a.w. serta tindakan dan pemikiran Baginda yang jauh kehadapan telah menjadi pemangkin kepada kemenangan Islam dengan berlakunya peristiwa pembukaan Kota Mekah ini.

MISI PERJANJIAN 'AQABAH

Salah satu lagi peristiwa dalam sirah Rasulullah s.a.w. yang mengambarkan pemikiran kehadapan Baginda ialah peristiwa perjanjian 'Aqabah. Melihatkan kesukaran yang dihadapi oleh umat Islam di Mekah dalam mengamalkan dan menyebarkan ajaran Islam disebabkan ancaman dan siksaan yang diterima dari pihak Qurasyh Mekah, Rasulullah s.a.w. mula memikirkan alternatif untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Baginda menyedari pendekatan dan strategi yang berlainan amat diperlukan untuk menarik masyarakat kepada Islam.

¹⁷ Antara insiden tersebut ialah peristiwa Abū Bashīr yang lari kepada Rasulullah dan pihak Muslim di Madinah dan pencabulan isi perjanjian Hudaybiyyah oleh puak Banū Bakr, sekutu kepada pihak Quraysh Mekah. Untuk lanjutan, sila rujuk Ali, S. Abul Hasan (1982), *Muhammad Rasulullah : The Apostle of Mercy* (trans Ahmad, Mohiuddin) Lucknow, India: Academy of Islamic Research and Publications, h. 269 dan h. 312-315.



Pendekatan awal yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. ialah menyampaikan Islam kepada masyarakat luar yang datang ke Mekah dari pelbagai tempat untuk menziarahi Ka'abah. Di antaranya ialah kaum dari Yathrib, dikenali sebagai kaum Khazraj yang telah datang menemui Baginda dan menunjukkan minat terhadap ajaran Islam. Mereka mendapati Baginda merupakan individu yang disebut-sebut oleh pihak Yahudi di Madinah yang akan datang menjadi pembela dan menghapuskan mana-mana pihak yang bermusuhan dengan mereka¹⁸. Selain itu, mereka amat memerlukan seorang individu yang boleh dipercayai untuk menjadi ketua di antara dua pihak yang bermusuuh, iaitu Khazraj dan 'Aws.

Di sinilah telah berlaku pertemuan yang dikenali sebagai Perjanjian 'Aqabah Pertama, meskipun kebanyakan tulisan sejarah tidak menyatakan peristiwa ini sebahagian daripada Perjanjian 'Aqabah. Ia berlaku di salah satu tempat untuk melontar jamrah, yang dikenali sebagai 'Aqabah. Di pertemuan ini, Rasulullah s.a.w. telah mengajak 7 orang pemuda dari puak 'Aws dan Khazraj kepada Islam dan mereka telah bersetuju untuk memeluk Islam dan berada bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w. dalam Islam. Sekembalinya mereka ke Yathrib, berita tentang pertemuan mereka dengan Rasulullah dan pengislaman telah disebarluaskan kepada kaum mereka di sana.

Pertemuan seterusnya diatur di Mekah pada 621M., disertai oleh 12 orang pemuda dari Yathrib. Di pertemuan ini, Rasulullah s.a.w. telah mengajar perkara-perkara asas tentang Islam dan meminta mereka berjanji untuk mematuhi dan melaksanakannya. Di antaranya ialah tidak menyembah tuhan selain Allah, tidak mencuri dan melakukan zina, tidak membunuh anak-anak kecil dan sentiasa mematuhi arahan Rasulullah s.a.w. dalam semua perkara kebaikan¹⁹. Perjanjian ini turut dikenali sebagai *Bay'at al-Nisā'* (Perjanjian Wanita) memandangkan ia tidak melibatkan perkara berkaitan menjaga keselamatan Rasulullah dan mempertahankan Islam.

Meskipun pada hakikatnya Rasulullah s.a.w. boleh meminta penduduk Yathrib tersebut berjanji untuk mempertahankan dan menjaga keselamatannya, Baginda tidak bertindak sedemikian. Sebaliknya Baginda mahu memberi masa dan peluang kepada mereka mendalamai Islam dan melaksanakan janji yang telah dipersetujui terlebih dahulu sebelum melaksanakan perkara yang lebih besar. Tindakan ini menggambarkan kesabaran dan cara pemikiran Rasulullah s.a.w. yang berpandangan jauh dalam menggapai kejayaan yang lebih besar dan nyata.

¹⁸ Salahi, Adil (2002), *Muhammad: Man and Prophet*. United Kingdom: Islamic Foundation, h. 197-198.

¹⁹ *Ibid.*, h. 199.



Pemikiran Futuristik Dalam Sirah Nabawiyyah: Aplikasi Dalam Kepimpinan Islam

Pertemuan yang terakhir berlangsung pada tahun berikutnya iaitu pada 622M. di 'Aqabah, yang disertai oleh 73 pemuda termasuk dua orang wanita dari Yathrib. Di pertemuan ini, isu mengenai perperangan dibincangkan, menyebabkan perjanjian ini dikenali *Bay'at al-Harb* (Perjanjian Peperangan). Dengan ditemani oleh bapa saudara Rasulullah s.a.w. yang belum memeluk Islam, al-'Abbās, Rasulullah s.a.w. telah berjumpa dengan kumpulan ini. Pertemuan dimulakan dengan bacaan potongan ayat al-Qur'an oleh Rasulullah s.a.w., seterusnya Baginda menjelaskan matlamat ajaran Islam dan cabaran yang perlu mereka hadapi dalam mempertahankan Islam. Di sini, Rasulullah s.a.w. mengajak mereka berjanji akan mempertahankan Baginda sebagaimana mereka menjaga keselamatan wanita dan anak-anak mereka. Di pihak Rasulullah s.a.w., Baginda akan bersama-sama mereka dalam apa jua keadaan, akan melawan musuh dan berdamai dengan pihak yang berdamai dengan mereka. Dengan penuh keyakinan yang tinggi terhadap Rasulullah s.a.w. dan ajaran Islam, mereka berjanji untuk sentiasa bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w..

Perjanjian ini bersifat dua hala, di mana Rasulullah s.a.w. diberi jaminan oleh pihak dari Yathrib untuk mempertahankan keselamatan Baginda, sementara Baginda akan mempertahankan mereka dari ancaman pihak Yahudi, seterusnya menjadi ketua mereka dalam menyatukan dua puak yang berbalah, iaitu 'Aws dan Khazraj. Ketiga-ketiga peristiwa Perjanjian 'Aqabah ini telah menjadi pemangkin kepada penghijrahan pihak Muslim ke Yathrib dan permulaan kepada penubuhan kerajaan Islam yang pertama di sana (yang kemudiannya dikenali sebagai Madinah), sebagaimana yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. pada peringkat awal perjanjian 'Aqabah.

APLIKASI PEMIKIRAN FUTURISTIK DALAM KEPIMPINAN ISLAM

Setelah meneliti dengan mendalam pemikiran futuristik Rasulullah s.a.w. dalam Sirah Nabawiah, ternyata pemikiran sebegini seharusnya dipraktiskan di dalam kepimpinan Islam pada hari ini. Dua peristiwa yang dibincangkan di atas menggambarkan betapa Rasulullah sebagai seorang pemimpin mempunyai pemikiran yang jauh kehadapan dalam merealisasikan misi dakwah Islam. Baginda sebagai seorang pemimpin tidak bersikap '*reactive*' atau menerima sesuatu keadaan tanpa melakukan apa-apa tindakan. Sebaliknya, tindakan yang diambil oleh Baginda adalah bersifat '*proactive*' hasil daripada pemikiran Baginda yang bersifat kehadapan dan dengan berpandukan wahyu.



Dalam kepimpinan Islam, seorang pemimpin dituntut memiliki pemikiran yang jauh kehadapan. Pemimpin yang mempunyai pemikiran futuristik bermaksud individu yang mempunyai hala tuju dan misi sesebuah organisasi yang jelas untuk tempoh jangka masa tertentu²⁰. Individu ini tidak sekadar memiliki keperibadian berteraskan Islam, malah berupaya menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan berdasarkan perancangan yang diatur²¹. Dalam lain perkataan, seorang pemimpin yang berjiwa Islam dituntut untuk memiliki wawasan yang jauh kehadapan.

Meskipun barat telah menggariskan pelbagai jenis pemikiran futuristik, ternyata Islam mendahului segala-galanya. Ini kerana apa yang diajarkan oleh Islam adalah bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah yang bersifat relevan sepanjang masa. Manakala contoh praktikalitinya dapat dilihat di dalam sirah Baginda. Baginda berfikiran kehadapan dalam memastikan kemenangan Islam dan 'melepaskan' umatnya dari belenggu kesusahan.

Contoh yang ditunjukkan oleh Baginda dalam berfikiran kehadapan inilah yang sewajarnya difahami, diteladani dan diambil iktibar oleh pemimpin Islam pada hari ini. Seperti yang kita maklumi, sirah Rasulullah s.a.w. yang dibentangkan kepada kita bukan sekadar untuk dibaca sebagai peristiwa yang bersifat kronologi, sebaliknya untuk dipelajari intipatinya dan menjadikannya sebagai panduan dalam mendepani cabaran pada hari ini. Kita dapat melihat bagaimana Rasulullah s.a.w. mampu berfikiran kehadapan dalam menjadikan Madinah sebagai pusat penyebaran Islam selepas umat Islam menerima tentangan dan penyiksaan yang hebat di Kota Mekah. Mungkin ada yang mempersoalkan, mana mungkin umat Islam pada hari bertindak dan berfikir sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. kerana Baginda bertindak dan berfikir berpandukan wahyu. Tetapi kita perlu menyedari bahawa kita telah dibekalkan dengan panduan al-Qur'an dan al-Sunnah yang bersifat kekal dan relevan untuk sepanjang zaman. Apa yang diperlukan adalah ilmu dalam memahami apa yang dinyatakan di dalam a-Qur'an dan juga al-Sunnah yang meliputi perbincangan sirah Baginda s.a.w. sebagai panduan kepada kepimpinan Muslim dalam konteks pemikiran kehadapan dan tindakan strategik, sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w..

²⁰ Bekun, Rafik I & Badawi, Jamal (1999), *Leadership: An Islamic Perspective*, MaryLand: Amana Publications, h. 41.

²¹ Engku Ahmad Engku Alwi (2005), Pemimpin Mengikut Acuan Islam, *Milenia Muslim*. Disember, h. 40.



KESIMPULAN

Pemikiran futuristik atau pandangan ke hadapan bukanlah sesuatu yang baru dikalangan umat Islam. Pemikiran ini telah berlaku dan terbukti aplikasinya oleh Rasulullah s.a.w. di dalam sirah Baginda. Ia merupakan perkara yang sinonim dan perlu diterapkan di dalam sesebuah kepimpinan, terutamanya kepimpinan yang berteraskan Islam. Pemikiran futuristik yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam sirah Baginda sewajarnya dijadikan panduan oleh pemimpin Islam hari ini dalam mencapai matlamat yang dikehendaki, sebagaimana Rasulullah s.a.w. telah mencapai matlamatnya dalam menyebarkan Islam dan menjadikan Islam sebagai pegangan hidup yang diterima oleh umat manusia.

